

## **Analisis Geografi Pilihan Raya Negeri Perlis Indera Kayangan, Malaysia** *Analysis of Electoral Geography in the State of Perlis Indera Kayangan, Malaysia*

Junaidi Awang Besar  
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan  
e-mel: jab@ukm.edu.my

Received: 8 February 2018; Accepted: 15 March 2018; Published: 30 April 2018

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis geografi pilihan raya dengan mengambil negeri Perlis Indera Kayangan sebagai lokasi kajian yang amat jarang dibincangkan dalam konteks akademik. Berkedudukan jauh di bahagian utara Semenanjung Malaysia dengan saiz yang kecil dan penduduk serta pengundi yang tidak ramai menyebabkan negeri ini dipinggirkan dalam konteks analisis politik negara ini. Namun, faktor geografi keruangan seperti kepencilan, saiz yang kecil serta pemilih yang tidak ramai tersebut sebenarnya menghasilkan suatu keadaan atau senario yang unik dan menarik untuk dikaji. Kajian dan penulisan ini adalah berdasarkan kepada analisis lokasi dan saiz dalam geografi pilihan raya, pemerhatian di lapangan, analisis data keputusan pilihan raya dan rujukan sumber sekunder yang berkaitan dan bersesuaian. Dengan menggunakan analisis data pilihan raya negeri Perlis dan ulasan sumber sekunder, hasil kajian mendapati dari segi analisis geografi politik dan pilihan raya iaitu saiz negeri Perlis, saiz kawasan DUN dan Parlimen yang kecil dengan jumlah pemilih yang tidak ramai menjadikan logistik serta gerak kerja parti politik untuk meraih sokongan adalah lebih mudah. Justeru, dapatan kajian menunjukkan negeri Perlis ini mempunyai keunikan dalam politik yang tersendiri untuk dikaji dan difikirkan. Hasil penemuan ini penting bagi menggalakkan banyak kajian politik di negeri Perlis untuk dilakukan oleh penganalisis politik pada masa hadapan.

**Kata kunci** geografi pilihan raya, kepencilan, logistik, pengundi

### **Abstract**

The study aims to analyze the geographic of the election by choosing Perlis Indera Kayangan state as the location of the study which is rarely discussed in the academic context. Located far in the northern part of Peninsular Malaysia with its small size and low population as well as voters causing the state to be marginalized in the context of this country's political analysis. However, the spatial geography factor such as isolation, small size and unobtrusive voters actually generate a unique and interesting scenario for a study. The study and writing are based on location and size analysis in election geography, field observation, data analysis of election results and relevant secondary reference sources. Using the analysis of the Perlis state election data and secondary source reviews, the findings show that in terms of political and electoral geography analysis, the size of the state of Perlis, the size of the state constituency and the small parliamentary constituencies with a large number of voters make logistics and political party workforce to garner support is easier. Hence, the study finds that the state of Perlis has its own uniqueness in politics to study and think. The findings are important to encourage many political studies in the state of Perlis to be done by future political analysts.

**Keywords** electoral geography, isolation, logistic, voters

## **PENGENALAN**

Politik dan pilihan raya adalah bidang penyelidikan yang unik dan menarik untuk dikaji. Politik ialah seni dalam mentadbir; politik ialah 'game' atau permainan iaitu sama ada seri, menang atau kalah; politik itu dinamik iaitu berubah-ubah mengikut aktor politik, tempat dan masa; politik itu sifat berlawanan iaitu ada kawan dan ada musuh iaitu ada dua pihak dan lebih; politik itu kadang-kadang sukar dijangka; politik itu tiada yang mustahil dan; politik tiada yang kekal iaitu tiada kawan dan musuh yang kekal. Namun dalam kajian akademik, semua perkara dalam politik dan pilihan raya boleh dikaji berdasarkan kaedah penyelidikan saintifik dengan perolehan data primer dan sekunder. Dalam kajian akademik juga boleh memberi persepsi; membuat ramalan; membuat kajian perhubungan dan perkaitan; kajian pasca sesuatu peristiwa politik dan pilihan raya; serta kajian sebab-akibat; dan kajian pelan tindakan atau cadangan pelaksanaan dan penyelesaian masalah dan isu. Dalam konteks bidang kajian geografi politik dan pilihan raya, aspek politik dan pilihan raya keruangan merupakan tema yang menarik untuk dikaji, tambahan pula negeri Perlis ini adalah negeri yang kecil dan berkedudukan jauh di utara Semenanjung Malaysia yang mempunyai budaya dan logistik politik yang tersendiri. Dalam konteks negeri Perlis, tidak banyak kajian akademik dilakukan di negeri ini kerana kedudukan negeri ini terperosok jauh ke utara, bersaiz kecil, pengundi tidak ramai, jumlah kawasan pilihan raya tidak banyak dan dikatakan tidak signifikan dalam kajian politik Malaysia. Namun kajian ini membuktikan bahawa politik di negeri Perlis sebenarnya agak menarik dan unik untuk dikaji dan dapat dijadikan contoh atau iktibar dari segi budaya politik dan gerak kerja politik pilihan raya pada masa akan datang. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis seterusnya menghuraikan geografi pilihan raya (saiz, lokasi, jarak, keruangan) negeri Perlis Indera Kayangan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Ahmadi (1998) menyatakan bahawa rakyat mempercayai hanya parti pemerintah iaitu Barisan Nasional (BN) yang mampu menyediakan pembangunan di bandar ataupun di luar bandar secara berterusan. Ini bermakna kempen calon pembangkang tidak boleh membawa perubahan di sesuatu kawasan. Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Arau, Perlis pada tahun 1998, pembangunan juga dijadikan isu untuk menakutkan pengundi agar mengundi BN sekiranya tidak mahu pembangunan berjalan lembab atau disekat. Walau bagaimanapun isu ini tidak berkesan mempengaruhi pengundi untuk memilih BN dan Parti Islam Se Malaysia (PAS) memenangi kawasan Parlimen Arau.

Mohd Amirul Ariff (2002) mendapati bahawa isu membina dan isu yang memudaratkan memainkan peranan penting dalam menggerakkan perjalanan sesebuah parti. Dalam konteks PRK DUN Indera Kayangan, pengundi lebih memihak kepada isu pembangunan setempat iaitu penambahan dan pembaikan kemudahan-kemudahan awam di kawasan mereka agar mereka dapat menggunakan kemudahan-kemudahan awam tersebut dengan selesa dan berterusan.

Dharmala (2009) menerangkan kronologi kepimpinan di negeri Perlis bermula dengan gerakan nasionalisme Persatuan Melayu Perlis 1940-an atau 1950-an, kepimpinan UMNO Perlis, politik pilihan raya 1955-2004 serta raja berperlembagaan di Perlis. Menurut beliau, meskipun Perlis agak terpinggir dari segi kajian politik kepimpinan dan pilihan raya kerana kedudukannya yang jauh di utara serta merupakan negeri terkecil di negara ini namun terdapat peristiwa-peristiwa 'politiking' yang berlaku di Perlis yang tidak cuba dikaji serta didokumenkan oleh penyelidik atau pihak yang berkenaan.

Rashidi (2014) menjelaskan faktor yang boleh mempengaruhi corak pengundian pemilih sepanjang tempoh berkempen dan hari pengundian adalah melalui faktor calon, isu-isu dan strategi berkempen. Noraniza (2014) memperkatakan bagaimana manusia berfikir tentang mentadbir melalui cara berfikir berbeza tentang kerajaan dengan perwakilan dalam badan-badan pengetahuan (yang merujuk pada set lengkap dalam konsep, istilah dan aktiviti-aktiviti yang membentuk satu bidang profesional), sistem kepercayaan dan pandangan yang manusia adalah terlibat. Governmentaliti membangunkan pemahaman baru berkenaan kuasa dan menekankan pada individu sebagai agen bebas dan edaran serta pengeluaran pengetahuan sebagai rejim kebenaran.

Junaidi et al. (2015) mendapati bahawa medium geopolitik popular kartun paling berkesan dan masih berpengaruh dalam menentukan persepsi dan pilihan politik responden kerana grafik yang menarik serta mempunyai unsur motif yang mudah difahami serta dapat mempengaruhi minda responden untuk

memahami sesuatu isu politik. Geopolitik popular memainkan peranan penting untuk membangkitkan kesedaran terhadap sesuatu konflik politik. Geopolitik popular juga dapat memberikan peluang kepada semua pihak untuk membuat pertimbangan rasional terhadap keputusan dan impak sesuatu isu. Namun demikian geopolitik popular merupakan medium propaganda yang berkesan dalam mempengaruhi persepsi dan partisipasi politik. Justeru, kajian ini cuba mengaitkan pengaruh kuasa maklumat politik yang disampaikan melalui media lagu, filem dan kartun yang membentuk geopolitik popular dengan terhadap gelagat politik pengundi muda (pelajar universiti awam) iaitu dari segi partisipasi, persepsi dan sokongan kepada parti politik.

Junaidi (2017) mendapati keputusan PRU-13 menunjukkan perubahan corak pengundian yang dipengaruhi oleh senario yang berlaku dalam persekitaran sosial, ekonomi dan politik. Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai ramai pengundi Cina iaitu 53.38 peratus. Secara keseluruhannya, MCA tewas di kesemua kerusi DUN di Pulau Pinang manakala DAP pula menang di 19 kerusi DUN di Pulau Pinang. Justeru, keputusan PRU tersebut dikaitkan dengan sokongan padu pengundi Cina kepada parti-parti dalam Pakatan Rakyat kerana budaya politik etnik Cina yang menunjukkan mereka mempunyai pemikiran politik yang dinamik serta terbuka dalam memilih parti atau calon yang bertanding dalam pilihan raya tersebut. Faktor sokongan etnik Cina kepada parti politik lebih bersifat universal iaitu mementingkan isu nasional seperti isu rasuah, keadilan dan ketelusan berbanding isu lokal/setempat. Mereka juga bersifat 'berani berubah' secara total atau disebut sebagai 'tsunami politik' dengan memecah tembok 'status quo' BN.

Junaidi et al. (2017) mendapati bahawa responden sedia maklum mengenai akibat perubahan sempadan yang akan dijalankan pada tahun 2016 ini terjadi kerana melibatkan hak dan kepentingan mereka masing-masing. Mereka sedar bahawa perubahan sempadan yang akan dijalankan juga bukan sahaja akan menguntungkan sebelah pihak, namun harus perlu berlaku adil dalam setiap faktor dan perkara yang menjadi isu. Justeru, pengundi perlu diberikan maklumat mengenai persempadanan semula sebaik mungkin dan peranan mereka untuk memberi pendapat perlu diambil perhatian oleh pihak SPR untuk memastikan keputusan mengenai persempadanan semula tersebut dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Junaidi (2018) mendapati bahawa keputusan PRK DUN Pengkalan Kubor ini memberi impak besar kepada UMNO yang mewakili BN dan PAS yang mewakili Pakatan Rakyat. Keyakinan dan penerimaan rakyat terhadap UMNO ini menjadikan ia terus kekal sebagai kubu kuat bagi BN. Melalui strategi kempen dari rumah ke rumah membawa impak besar dalam PRK ini. BN hanya gagal menguasai tiga daerah mengundi dalam PRK ini. Kejayaan BN ini menunjukkan BN harus untuk mengekalkan momentum kemenangan agar mereka tidak hanya menjadi jaguh dalam PRK malahan berusaha untuk menguasai DUN di Kelantan pada PRU 14 akan datang. Mohamed Mustafa, Rohana dan Ravindra (2018) menjelaskan bahawa faktor kedudukan di kawasan pedalaman serta faktor kejiranan menyebabkan kawasan DUN Tambun Tulang, Sena, Mata Ayer, Chuping dan Titi Tinggi dimenangi oleh calon BN dengan majoriti yang tinggi. Ini disebabkan oleh faktor logistik serta capaian sumber maklumat seperti akses internet yang terhad menyebabkan pengundi di kawasan berkenaan hanya bergantung kepada media arus perdana seperti TV1 dan TV3 serta akhbar Utusan Malaysia yang pro-BN.

## **GEOGRAFI POLITIK DAN PILIHAN RAYA**

Menurut Sothi (1982), geografi politik merupakan salah satu aspek geografi manusia iaitu satu kajian yang lebih besar, tetapi di dalamnya terkandung elemen pembeza yang membuatnya terkhusus. Geografi politik memberi perhatian kepada fenomena politik dan mestilah menumpukan perhatian kepada struktur institusi itu dijalankan dan bagaimana ia terlibat dalam pembentukan corak dan hubungan geografi. Penduduk, agama, bahasa, makanan dan perumahan adalah antara elemen terpenting dalam institusi politik dan pembangunan masyarakat. Keadaan geopolitik di sesebuah negara/kawasan dipengaruhi oleh faktor taburan komposisi etnik, kawasan bandar-luar bandar, program pembangunan kerajaan, proses pembandaran, pembangunan sektor perindustrian dan pertanian. Sebelum perang dunia ke-2, geografi politik digunakan untuk mendapatkan maklumat geografi untuk pembangunan, membentuk polisi, dasar asing dan luar negara. Harshorne (1954) pula menyatakan bahawa geografi politik merupakan satu kajian kelainan dan kesamaan ruang dalam ciri politik sebagai satu bahagian yang berkait dari keseluruhan kelainan dan kesamaan ruang

atau kajian variasi fenomena politik dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam saling kaitan dengan variasi bentuk-bentuk lain di muka bumi sebagai tempat tinggal manusia.

Secara definisinya, geografi pilihan raya adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian termasuk keputusan pilihan raya (Amer Saifude, 2009). Dalam erti kata lain, geografi pilihan raya menekankan aspek analisis geografi dalam pilihan raya iaitu kajian tentang pola ruang dan kuasa dalam pengundian serta pengaruh faktor sejarah, sosiologi, ekonomi dan faktor setempat terhadap tingkah laku pengundi dan keputusan pilihan raya di sesuatu kawasan. Faktor yang dikaji adalah untuk mengetahui sejauhmana aspek geografi manusia mempengaruhi pola sokongan sesebuah parti politik. Faktor geografi juga boleh mempengaruhi sesebuah parti politik membuat dasar/rancangan dan strategi mereka untuk mengekalkan sokongan di kawasan lemah atau faktor yang menggalakkan wakil rakyat menyokong keputusan untuk kepentingan pengundi di kawasan tersebut (Junaidi 2016a, 2016b & Junaidi et al. 2016).

Corak pengundian di seluruh negara telah banyak berubah kerana banyak dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku di persekitaran sosial, ekonomi dan politik. Akibat daripada perubahan ini, keperluan maklumat bagi tindak balas yang lebih cepat telah pun meningkat bagi meningkatkan lagi keberkesanan proses pentadbiran, perancangan, pembuatan keputusan dan pembangunan. Perkembangan pesat dalam pembangunan negara, telah membawa kepada permintaan terhadap maklumat-maklumat terkini, tepat dan sah. Maklumat terutamanya maklumat ruangan menjadi semakin penting dalam semua jenis perancangan dan pembuatan keputusan. Perkara tersebut penting dalam memahami dan mempengaruhi secara aktif segala proses teknologi, sosioekonomi, politik dan ruangan dengan cara yang rasional dan sistematik (Ruslan & Noresah, 1998). Begitu juga dengan maklumat pilihan raya telah banyak berubah kerana dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku di persekitaran sosial pada masa kini. Peranan faktor ruangan ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di sempadan sesuatu kawasan pilihan raya merupakan elemen penting dalam pengkajian geografi politik. Kepentingan proses-proses ruangan dikaji untuk melihat peranan faktor ruangan keatas keputusan dan tindakan individu dalam pengundian seperti pengaruh kejiranan yang berlaku dalam sesuatu wilayah atau sempadan sesuatu kawasan (NSTP Research and Information Services, 1994; SPR, 2007; Wan Ahmad, 2014).

## **METOD DAN KAWASAN KAJIAN**

Penulisan ini adalah berdasarkan kepada analisis lokasi dan saiz dalam geografi pilihan raya dan analisis data keputusan pilihan raya dan rujukan sumber sekunder yang berkaitan dan bersesuaian. Kajian ini menggunakan metod analisis data primer iaitu data keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis serta kajian daripada PRU 1999 hingga 2013. Manakala untuk mengukuhkan lagi hasil dan analisis kajian dilakukan melalui rujukan kepustakaan (sekunder) yang merangkumi analisis kandungan buku-buku rujukan akademik, artikel jurnal, kertas seminar dan persidangan, tesis dan latihan ilmiah dan akhbar.

Negeri Perlis berkeluasan 795 km persegi. Secara keseluruhannya, komposisi etnik penduduk pada tahun 2000 di Perlis adalah seperti berikut iaitu Melayu (174,805 orang atau 79.74 peratus), Cina (21,058 orang atau 9.6 peratus), India (2,658 orang atau 1.21 peratus) dan lain-lain (20,690 orang atau 9.45 peratus), manakala pada tahun 2010 pula, penduduk di negeri Perlis secara peratusan yang menganut pelbagai kepercayaan atau agama seperti 87.9 peratus Islam, 10.0 peratus Buddha, 0.8 peratus Hindu, 0.6 peratus Kristian, 0.2 peratus Taoism atau agama masyarakat Cina, 0.3 peratus yang menganut agama-agama lain dan 0.2 peratus pula tidak mempunyai agama.

Daripada 15 Dewan Undangan Negeri (DUN), 6 kawasan dipilih sebagai lokasi kajian yang terdiri daripada kawasan putih, kelabu dan hitam. Kaedah kajian fenomenologi telah digunakan dalam kajian ini untuk mengutip data kajian dan disusuli dengan temuramah dengan pemilih serta calon-calon yang bertanding. Kajian ini mendokumenkan elemen pemasaran politik yang telah digunakan sepanjang tempoh berkempen pada PRU ke 13 yang lalu di Negeri Perlis. Negeri Perlis mengandungi tiga kawasan Parlimen iaitu P1 Padang Besar, P2 Kangar dan P3 Arau dengan 15 kawasan DUN iaitu N1 Titi Tinggi, N2 Beseri, N3 Chuping, N4 Mata Ayer, N5 Santan, N6 Bintong, N7 Sena, N8 Indera Kayangan, N9 Kuala Perlis, N10 Kayang, N11 Pauh, N12 Tambun Tulang, N13 Guar Sanji, N14 Simpang Empat dan N15 Sanglang (Rajah 1). Jumlah pemilih di negeri Perlis ialah 137,057 orang (133,644 pengundi biasa, 1,676 tentera dan

pasangan, 1,713 polis dan pasangan dan 24 pengundi tidak hadir luar negara) dengan 84.35 peratus (115,612 orang) etnik Melayu, 11.48 peratus (15,729 orang) Cina, 1.50 peratus (2,051 orang) India, 0.12 peratus (171 orang) Bumiputera Sabah, 0.23 peratus (317 orang) Bumiputera Sarawak, 0.01 peratus (12 orang) Orang Asli dan 2.31 peratus (3,165 orang) etnik lain-lain seperti Siam. Negeri Perlis juga mempunyai 88 Pusat atau Daerah Mengundi dengan 285 saluran mengundi dan 11 pusat mengundi awal serta 2,794 orang pegawai dan petugas pilihan raya pada PRU 2013 (Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), 2013).



**Rajah 1** Peta bahagian pilihan raya Parlimen dan DUN di negeri Perlis Indera Kayangan

Sumber: <http://www.sinarharian.com.my/pru13/perlis-1.57567>

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Geografi Pilihan Raya

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari segi analisis geografi pilihan raya iaitu saiz negeri Perlis, saiz kawasan DUN dan Parlimen yang kecil dengan jumlah pemilih yang tidak ramai menjadikan logistik serta gerak kerja parti politik untuk meraih sokongan adalah lebih mudah. Negeri Perlis yang hanya seluas 795 km persegi boleh dijangkau dengan kenderaan bermotor bagi keseluruhan diameter atau ukur lilit negeri ini dalam masa setengah jam sahaja. Purata keluasan setiap kawasan Parlimen (ada 3 kawasan kesemuanya) ialah 250 km persegi manakala purata keluasan kawasan DUN (ada 15 kawasan kesemuanya) ialah 54 km persegi. Jarak jangkauan jalan raya yang dekat dan mudah serta kedudukan rumah kediaman yang berkelompok dan saling bersebelahan adalah memudahkan jentera kempen parti untuk merayu undi bagi menyokong parti masing-masing. Justeru, aspek kawalan dan kerahan politik dalam konteks jarak yang dekat dan berkejiranan akan memberi kelebihan kepada parti yang mempunyai kemudahan logistik dan dana kewangan untuk mendapat undi yang banyak seterusnya akan memenangi sesuatu kawasan pilihan

raya yang ditandingi. Seterusnya, faktor kedudukan di kawasan pedalaman serta faktor kejiranan menyebabkan kawasan DUN Tambun Tulang, Sena, Mata Ayer, Chuping dan Titi Tinggi dimenangi oleh calon BN dengan majoriti yang tinggi (Mohamed Mustafa, Rohana & Ravindra, 2018). Ini disebabkan oleh faktor logistik serta capaian sumber maklumat seperti akses internet yang terhad menyebabkan pengundi di kawasan berkenaan hanya bergantung kepada media arus perdana seperti TV1 dan TV3 serta akhbar Utusan Malaysia yang pro-BN. Jadual 1 menunjukkan keluasan, jumlah Daerah Mengundi dan jumlah pemilih mengikut kawasan DUN dan Parlimen di Perlis.

**Jadual 1** Keluasan, jumlah Daerah Mengundi dan jumlah pemilih mengikut kawasan DUN dan Parlimen di Perlis sehingga 15 September 2016

<b>Kawasan Pilihan Raya</b>	<b>Keluasan (km persegi/km<sup>2</sup>)</b>	<b>Jumlah Daerah Mengundi</b>	<b>Jumlah pemilih</b>
<b>P01 Padang Besar</b>	<b>446.94</b>	<b>27</b>	<b>42,302</b>
N01 Titi Tinggi	120.15	7	9,309
N02 Beseri	137.93	5	8,398
N03 Chuping	144.35	6	9,872
N04 Mata Ayer	19.37	3	6,479
N05 Santan	25.14	6	8,244
<b>P02 Kangar</b>	<b>151.49</b>	<b>31</b>	<b>50,751</b>
N06 Bintong	66.28	6	10,886
N07 Sena	26.47	7	10,820
N08 Indera Kayangan	6.99	7	10,029
N09 Kuala Perlis	21.11	5	10,066
N10 Kayang	30.64	6	8,950
<b>P03 Arau</b>	<b>215.07</b>	<b>30</b>	<b>44,054</b>
N11 Pauh	51.25	6	9,798
N12 Tambun Tulang	42.60	6	9,751
N13 Guar Sanji	44.54	6	8,531
N14 Simpang Empat	36.87	5	7,728
N15 Sanglang	39.81	7	8,246
<b>Keseluruhan Perlis</b>	<b>813.50</b>	<b>88</b>	<b>137,107</b>

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya (2003) & Suruhanjaya Pilihanraya (2016)

Dari segi kawasan Daerah Mengundi, berikut adalah mengikut DUN iaitu N01 Titi Tinggi (Jalan Padang Besar, Titi Tinggi, FELDA Mata Ayer, Kampong Kastam, Padang Besar, FELDA Rimba Mas dan Lubok Sireh), N02 Beseri (Pekan Kaki Bukit, Tasoh, Guar Jentik, Beseri dan Tunjong), N03 Chuping (Panggas, Sungai Buloh, Kilang Gula Chuping, Kubang Perun, Guar Nangka dan FELDA Chuping), N04 Mata Ayer (Tok Kaya Man, Hutan Temin dan Kampung Gial), N05 Santan (Kampong Darat, Paya, Alor Tampang, Padang Lati, Padang Pauh dan Santan), N06 Bintong (Nesam, Abi, Kechor, Hutan Melintang, Telok Kachang dan Wang Bintong), N07 Sena (Kampong Salang, Repoh, Alor Lanchang, Taman Indera, Tok Peduka, Padang Bohor dan Padang Petani), N08 Indera Kayangan (Padang Katong, Derma, Pekan Lama Kangar, Pengkalan Assam, Pekan Baru Kangar, Seberang Bakau dan Behor Gandin), N09 Kuala Perlis (Seberang Alor, Hujung Tanjong, Kepala Batas, Seberang Tok Pi dan Padang Besar Selatan), N10 Kayang (Titi Tok Bandar, Bangsal Lebah, Temak, Seriab, Gunong Utan Aji dan Hujung Batu), N11 Pauh (Guar Gajah, Padang Siding, Pauh, Istana, Pekan Arau dan Kubang Paya), N12 Tambun Tulang (Kubang Gajah, Jejawi, Kampong Banat, Kampong Surau, Mengkuang Layar dan Tambun Tulang), N13 Guar Sanji (Guar Sanji, Kampong Sena, Behor Mentalon, Chemumar, Serdang dan Changkat Jawi), N14 Simpang Empat (Sungai Berembang, Behor Mali, Sungai Bharu, Simpang Empat Che Kasim dan Lat Seribu), dan N15 Sanglang (Bongor Kudong, Bunga Mas, Sungai Padang, Simpang Sanglang, Padang Keria, Kuala Sanglang dan Tok Pulau) (SPR, 2016).

## **Keputusan Pilihan Raya**

Dari segi keputusan pilihan raya pula menunjukkan walaupun negeri Perlis mempunyai 84 peratus etnik Melayu (negeri majoriti Melayu seperti Kelantan/94.5 peratus, Terengganu/95.9 peratus dan Kedah/76.2 peratus pernah dikuasai pasti pembangkang/PAS) namun negeri ini terus dikuasai BN dalam PRU 1999 (12/15), 2004 (14/15), 2008 (13/15), dan 2013 (13/15). BN juga terus menguasai ketiga-tiga kawasan Parlimen dalam keempat-empat PRU, kecuali tewas sekali dalam PRK 1998 bagi Parlimen Arau yang dimenangi calon PAS iaitu YB Ustaz Hashim Jasin yang menewaskan calon BN iaitu Ismail Kassim.

Pada PRU-13 (2013), BN terus kekal menang di ketiga-tiga kawasan Parlimen iaitu P1 Padang Besar, P2 Kangar dan P3 Arau. BN juga menang di 13 kawasan DUN iaitu N1 Titi Tinggi, N2 Beseri, N3 Chuping, N4 Mata Ayer, N5 Santan, N6 Bintong, N7 Sena, N9 Kuala Perlis, N10 Kayang, N11 Pauh, N12 Tambun Tulang, N13 Guar Sanji dan N14 Simpang Empat. PKR pula menang 1 kerusi DUN iaitu di N8 Indera Kayangan dan PAS juga menang 1 kerusi di kubu kuat parti tersebut iaitu N15 Sanglang.

## **Sokongan Pengundi**

Dari segi faktor sokongan pengundi kepada parti politik pula bergantung kepada kepemimpinan negeri dan negara; isu setempat dan isu nasional; calon setempat dan turun padang; kekuatan jentera parti; dana kewangan; ideologi parti; pengalaman dalam politik dan faktor sosiologi seperti pengaruh kekeluargaan, keagamaan dan sebagainya. Keputusan dan pola pengundian seringkali dikaitkan dengan isu-isu utama yang berlaku setiap pra pilihan raya umum. Pada PRU-11 (1999), isu utama pada ketika tersebut ialah peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Peristiwa tersebut dikaitkan dengan kaedah menangani krisis ekonomi 1997-1998, perbezaan pandangan antara Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan Perdana Menteri pada waktu itu iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan beberapa tindakan politik dan ekonomi Anwar Ibrahim yang dilihat membelakangi Mahathir. Isu pemecatan Anwar Ibrahim ini memberi impak kepada keputusan PRU 1999, dimana hampir 60 peratus pengundi Melayu bertindak menyokong parti selain BN (Junaidi et al., 2016). Di Perlis, terdapat segelintir kumpulan yang menyertai parti selain BN (PAS dan PKN) iaitu daripada kelompok ABIM dan yang tidak berpuas hati dengan kepimpinan kerana isu peribadi dan ekonomi. Unsur-unsur luar seperti pengundi luar Perlis dan internet dilihat mempengaruhi segelintir pengundi Perlis untuk menyokong parti pembangkang. Namun secara keseluruhannya, isu nasional terutamanya isu Anwar Ibrahim di negeri Perlis ini tidak berapa signifikan kerana parti pembangkang hanya menang 2 kerusi DUN sahaja daripada 15 kerusi DUN sekaligus gagal menawan negeri untuk membentuk kerajaan negeri.

PRU-12 (2004) pula memperlihatkan pengaruh BN paling mantap dalam sejarah PRU di Malaysia. Dalam BN, PRU 2004 ini diterajui oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi selepas berlakunya peralihan kuasa antara Tun Dr. Mahathir kepada Tun Abdullah pada tahun 2001. Karakter Tun Abdullah yang dilihat bersih, beragama, baik dan tiada isu peribadi menjadikan beliau harapan besar rakyat Malaysia termasuk di Perlis menjadikan BN telah mendapat mandat besar dengan kemenangan yang luar biasa pada PRU 2004 tersebut (Junaidi, 2016b). Dalam konteks politik di Perlis, pengaruh parti pembangkang juga terhakis apabila jumlah penguasaan kerusi DUN berkurang daripada menang 3 kerusi DUN pada PRU 1999 kepada hanya menang 1 kerusi DUN yang merupakan kerusi kubu kuat turun temurun iaitu di DUN Sanglang.

Pada PRU 2008 memperlihatkan kejatuhan pengaruh BN yang berpunca daripada ketidakpuasan hati sebahagian pengundi Melayu dan sebahagian besar pengundi Cina dan India terhadap kepimpinan Pak Lah. Pak Lah dilihat tidak tegas, terlalu lemah lembut dengan pengkritiknya, tiada wawasan jauh, membuat sesuatu keputusan yang lambat serta terlalu ambil hati parti komponen selain UMNO. Isu perkauman dimainkan sesuka hati dengan tiada ketegasan pihak berkuasa. Kemahuan golongan remaja/muda gagal ditunaikan sebaiknya menyebabkan kebanyakan saluran pengundi muda lebih cenderung kepada menyokong parti pembangkang iaitu Pakatan Rakyat (PR). Hal ini menyebabkan kebanyakan kerusi Parlimen dan DUN kawasan bukan Melayu dan dominasi pengundi muda jatuh ke pihak PR. Negeri Perlis tidak terkecuali memperlihatkan peralihan undi di kawasan tertentu namun kuasa Kerajaan Negeri masih kepada BN. Faktor calon yang tidak popular atau tidak disukai pengundi kerana bukan anak tempatan atau gagal turun padang/calon bidang terjun juga menyebabkan kebanyakan undi di kawasan DUN atau Parlimen menurun pada PRU 2008 berbanding PRU 2004.

Kemudian pada PRU 2013, protes undi etnik Cina semakin memuncak apabila mereka secara besar-besaran menolak calon BN sehingga ada kawasan yang BN tewas dengan hilang wang pertaruhan (Junaidi, 2017). Etnik Cina kecewa dengan parti komponen Cina dalam BN iaitu MCA dan GERAKAN kerana gagal membawa suara kaum Cina ke dalam Kerajaan. Mereka inginkan keadilan dan kesamarataan dalam soal ekonomi dan sosial di negara ini. Mereka juga memperjuangkan 'politik nilai' iaitu integriti, anti rasuah, anti penindasan, politik damai dan sejahtera dan sebagainya (Junaidi, 2016a). Apa yang dikatakan 'tsunami politik Cina' turut mabadai politik Perlis kerana buat pertama kalinya kawasan majoriti etnik Cina iaitu DUN Indera Kayangan telah berjaya ditawan oleh calon PKR.

BN/UMNO mendapat sokongan daripada kebanyakan pengundi di negeri Perlis kerana faktor pengalaman parti tersebut memerintah negeri ini dan juga Malaysia sejak merdeka hinggalah sekarang. Faktor ini digandingkan sekali dengan UMNO sebagai tunjang BN yang mewakili orang Melayu kerana dilihat dapat memperjuangkan nasib orang Melayu seterusnya mempertahankan hak dan keistimewaan orang Melayu di negeri ini. Lantaran itu, majoriti pengundi merasa sudah selesai dengan cara pemerintahan BN/UMNO di negeri ini seterusnya terus mengekalkan sokongan dari pilihan raya ke pilihan raya. Ini menunjukkan konsep politik pemuafakatan yang diamalkan dalam politik BN terus diterima rakyat di negeri ini. Kepemimpinan politik BN negeri dan negara ini yang menggunakan strategi 'politik pembangunan' serta kerap turun padang juga dapat diterima pengundi dengan baik. Selain itu, kaedah BN dalam menangani isu setempat dan nasional dengan melibatkan pelbagai agensi kerajaan dapat memastikan isu atau masalah yang dihadapi rakyat dapat diatasi dengan baik dan secara bijaksana. Pada peringkat setempat, strategi BN meletakkan calon akar umbi tempatan yang rajin bekerja dan dikenali ramai juga dapat memastikan parti ini dapat mengekalkan kemenangan dan juga dapat merampas kembali kerusi yang tewas seperti di DUN Simpang Empat. Justeru, kekuatan BN/UMNO dalam pilihan raya adalah berdasarkan beberapa faktor iaitu kekuatan jentera penerangan dan penyelesaian masalah dalam parti, dana kewangan yang kukuh, semangat kemelayuan dan perpaduan yang kukuh, pengalaman dalam mentadbir di samping beberapa faktor sosiologi iaitu pengaruh kekeluargaan, faktor gender, umur, tahap pendidikan, agama dan tahap pendidikan.

Kawasan DUN Sanglang merupakan kubu terkuat PAS di negeri Perlis. Kawasan tersebut dikatakan kubu PAS kerana sikap penyokong parti Islam berbangsa Melayu tersebut yang fanatik, tidak berubah pendirian dan merupakan kawasan yang ramai didiami orang-orang alim yang kuat beragama, solat tidak tinggal dan selalu tolong orang lain. PAS juga menang di kawasan ini kerana calon PAS merupakan anak tempatan berbanding calon BN yang bukan anak tempatan. PAS menang pada PRU 2008 dengan majoriti 149 undi dan pada PRU 2013 dengan majoriti 121 undi. Kawasan DUN Simpang Empat juga pada PRU 2008 merupakan kawasan yang pernah dimenangi PAS dengan majoriti tipis 53 undi namun tewas dengan majoriti tipis pada PRU 2013 (85 undi). Kawasan ini bersebelahan dengan DUN Sanglang. BN boleh menang di kawasan ini dengan syarat calon yang disukai pengundi. Namun calon PAS (Rus'sele Eizan) yang pernah menjadi wakil rakyat pada PRU 2008 merupakan pemimpin yang berhubung rapat dengan masyarakat, baik, *low profail*, berpakaian seperti orang kampung. Calon PAS (Rus'sele Eizan) sebenarnya merupakan bekas pemimpin tempatan UMNO/BN sebelum masuk PAS pada PRU 2008. Bekas ADUN PAS ini akan hadir awal ketika kenduri kahwin dan pernah dikatakan membeli nasi lemak dan memberi kepada orang ramai di kawasannya. Jika ada musibah atau kemalangan yang menimpa pengundi di kawasannya juga akan dihadiri seawal mungkin, justeru beliau mempunyai '*personal touch*' yang baik. Namun beliau tewas kepada calon BN (Nurul Hisham Yaakob) pada PRU 2013 kerana calon BN kali ini merupakan anak tempatan dan disukai orang muda.

Bagi kawasan DUN Indera Kayangan pula, buat pertama kalinya parti pembangkang iaitu PKR (Chan Ming Kai) menang dalam PRU 2013 majoriti sebanyak 1,092 undi. Kemenangan ini dikaitkan dengan pola undi etnik Cina yang memihak kepada parti pembangkang melalui 'tsunami politik' yang berpunca daripada isu nilai politik iaitu ketidakadilan sosioekonomi, integriti dan ingin mencuba kepimpinan baru. Kekalahan BN di kawasan ini juga disebabkan kelemahan calon BN yang dikhabarkan sebagai calon yang tidak disukai masyarakat Cina, tidak turun padang dan sukar memberi sumbangan.

### **Pola Pengundian**

Dari segi pola pengundian pula menunjukkan bahawa BN dan PAS menguasai kawasan luar bandar dengan sokongan daripada pengundi tegar masing-masing, manakala pada PRU 2013 menunjukkan bahawa parti pembangkang seperti PKR menguasai kawasan bandar iaitu Indera Kayangan. Namun jika dilihat secara keseluruhannya, terdapat juga kawasan bandar yang terus dimenangi BN seperti Bintong, Sena, Titi Tinggi,



Beseri dan Pauh. Justeru ini menunjukkan bahawa pengundi di negeri Perlis secara keseluruhannya setia kepada parti pemerintah/BN dalam setiap pilihan raya.

### **Pasca PRU 2013**

Pasca PRU 2013 memperlihatkan beberapa persoalan atau isu nasional terus dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu pada peringkat nasional dan juga pada peringkat negeri termasuk di negeri Perlis sama ada melalui ceramah politik, media cetak, media elektronik, media sosial/alternatif/internet dan juga cerita yang disampaikan dari mulut ke mulut oleh ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai. Pergolakan dalaman PAS telah membawa kepada penubuhan Parti Amanah Negara (AMANAH). Terdapat juga penubuhan beberapa parti kecil seperti Parti Pembangunan Warisan Sabah, Parti Harapan Rakyat Sabah, Parti Alternatif Rakyat di samping penubuhan Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN dan BERJASA). Kepimpinan Dato' Seri Najib dalam isu 1MDB, derma RM 2.6 billion, kenaikan harga barang, projek mega serta isu BR1M terus dipertikai pihak lawan seterusnya isu tersebut dijadikan isu atau modal politik. Isu ini membawa kepada pengguguran Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Perdana Menteri seterusnya beliau bersama Tun Dr Mahathir telah keluar UMNO dan menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Isu RUU Syariah 335 juga dijadikan isu untuk melagakan antara parti politik, agama dan etnik yang berkenaan. Isu persempadanan semula bahagian pilihan raya 2016 juga menjadi polemik antara parti-parti pembangkang dengan SPR. Kesemua isu ini masih menjadi perbualan rakyat di negeri Perlis namun impak politiknya masih belum ketara.

Bagi negeri Perlis, kebanyakan pemimpin politik menyatakan negeri ini tidak perlu lagi pertambahan kerusi DUN dan Parlimen kerana keluasan negeri ini yang kecil dengan jumlah pengundi yang tidak ramai. Isu pola sokongan pengundi Cina juga hangat diperkatakan di negeri ini. Orang Cina amat sensitif dengan isu agama terutamanya isu RUU Syariah 335. Mereka takut dengan pelaksanaan RUU 335 tersebut kerana pada pandangan mereka, meskipun undang-undang tersebut hanya untuk orang Islam namun pindaan pada akan datang dibimbangi akan melibatkan pelaksanaan untuk orang bukan Islam juga pada masa akan datang. Dari segi pola politik etnik Cina pada masa kini, BN akan terus menghadapi kesukaran untuk memperoleh undi etnik Cina di kawasan bandar kerana di kawasan tersebut semula kemudahan sudah ada dan kemajuan infrastruktur mesti dibuat oleh kerajaan kerana merupakan tempat tumpuan orang ramai untuk aktiviti ekonomi, sosial dan politik. Berbeza dengan kawasan luar bandar, BN dijangka akan memperoleh semula undi etnik tersebut di kawasan luar bandar kerana keperluan sosioekonomi yang masih relevan di kawasan tersebut dan hanya boleh dicapai melalui pelaksanaan oleh parti pemerintah.

### **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, dari segi analisis geografi pilihan raya iaitu saiz negeri Perlis, saiz kawasan DUN dan Parlimen yang kecil dengan jumlah pemilih yang tidak ramai menjadikan logistik serta gerak kerja parti politik untuk meraih sokongan adalah lebih mudah. Dari segi keputusan pilihan raya pula menunjukkan walaupun negeri Perlis mempunyai 84 peratus etnik, namun negeri ini terus dikuasai BN dalam PRU 1999 (12/15), 2004 (14/15), 2008 (13/15), dan 2013 (13/15). Dari segi faktor sokongan pengundi kepada parti politik pula bergantung kepada kepemimpinan negeri dan negara; isu setempat dan isu nasional; calon setempat dan turun padang; kekuatan jentera parti; dana kewangan; ideologi parti; pengalaman dalam politik dan faktor sosiologi seperti pengaruh kekeluargaan, keagamaan dan sebagainya. Dari segi pola pengundian pula menunjukkan bahawa BN dan PAS menguasai kawasan luar bandar dengan sokongan daripada pengundi tegar masing-masing, manakala pada PRU 2013 menunjukkan bahawa parti pembangkang seperti PKR menguasai kawasan bandar iaitu DUN Indera Kayangan. Justeru, dapatan kajian tersebut menunjukkan negeri Perlis ini mempunyai keunikan dalam politik yang tersendiri untuk dikaji dan difikirkan seterusnya diharapkan selepas ini lebih banyak kajian politik di negeri Perlis akan dilakukan oleh pengkaji politik pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Ahmadi Al-Aziz. (1998). *Arau*. Kuala Lumpur: Usnie Publication.
- Amer Saifude Ghazali. (2009). *Geografi pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Dharmala N. S. (2009). *Dari pra pasca merdeka kronologi kepimpinan Perlis*. Batu Caves: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- Hartshorne. (1954). Political geography, 211–14. Dlm P.James and C.Jones (eds). *American Geography: Inventory and Prospect, Syracuse*: Syracuse University Press.
- Junaidi, A. B. (2016a). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13. *Seminar Antarabangsa Ke-5, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Hotel Condotel Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA); & Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. 26-28 Julai.
- Junaidi, A. B. (2016b). Analisis geografi pilihan raya, sosiopolitik dan sosiobudaya di kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia. *The 2016 Konferensi Internasional Budaya Melayu*. Anjuran Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Jambi (UNJA), Sumatera, Indonesia. Tempat: Kampus UNJA Pasar, Jambi, Sumatera, Indonesia. 26-27 Oktober.
- Junaidi, A. B. (2017). Geografi pilihan raya negeri Pulau Pinang: Analisis prestasi MCA dan DAP dalam pilihan raya umum (PRU) 2013. *Geografi*, 5(1), 12-25. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=4738b24c-2cd9-48d6-a7e1-c62aeea3e9fd.pdf>
- Junaidi, A. B. (2018). Pola Pengundian Etnik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan. Dlm. Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman & Rosmadi Fauzi. *Merentasi sempadan yang melewati zaman: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi, A. B., Handika Wira, M.F., Mohd Rodzi, A. R. & Ahmad Rizal, M. Y. (2017). Pandangan terhadap perubahan persempadanan bahagian pilihan raya di kawasan Parlimen Hulu Langat dan Serdang, Selangor. *Geografi*, 5(3), 95-111. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=ef259479-3a9e-4b15-87b6-6f4e1ae157e0.pdf>
- Junaidi, A. B. , Mohd Fuad, M. J., Novel, L., Ahmad Rizal, M. Y., Lam .K. C., Amer Saifude, G., Rosmadi, F., Mazlan, A., Siti Noranizahhafizah, B., Mohd Faizd, M. Z. & Muhammad Hazim, A. G. (2015). Pengaruh geopolitik popular terhadap gelagat politik pengundi muda universiti awam di Lembah Klang. *Geografi*, 3(2), 37-44. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=7d294fb7-b2bd-4218-9b4b-acae837ef91d.pdf>
- Junaidi, A. B., Mazlan, A., Mohd Faizd, M.Z. & Ahmad Afif, Z. (2016). Analisis geografi pilihan raya kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS) 2016. Theme: Innovation in Humanities and Social Sciences: Opportunities and Challenges* at The Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia. Organized By: Faculty of Defence and Management Study, National Defence University of Malaysia (UPNM) and Prince of Songkla University (PSU), Thailand. In The Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27-29 May.
- Mohd. Amirul Ariff, L. A. (2002). *Pilihan Raya Kecil DUN Indera Kayangan 2002: Analisis Isu, Kempen dan Pola Pengundian*. Latihan Ilmiah. Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Mohamed Mustafa, I., Rohana, Y. & Ravindra, N.V. (2018). *Atlas of political contestation in the 2013 general election in Malaysia: A case of Kedah and Perlis*. Sintok, Kedah: Northern Corridor Research Centre, Universiti Utara Malaysia.
- Noraniza, Y. (2014). Governmentaliti dalam geografi manusia. *Geografi*, 2(1), 98-110. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=e7414b5e-45d5-417a-9ac2-735b427f3d2f.pdf>
- NSTP Research and Information Services. (1994). *Elections in Malaysia: A handbook of facts and figures on the elections 1955-1990*. Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- Rashidi, M. N. (2014). *Pemasaran politik di negeri Perlis: Kajian terhadap isu-isu, calon dan strategi berkempen menjelang pilihanraya umum Malaysia Ke-13*. (Tesis Sarjana). Othman Yeop Abdullah Graduated of School Business, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. (Tidak diterbitkan).
- Ruslan, R. & Noresah, M. S. (1998). *Sistem maklumat geografi*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sothi Rachagan. (1982). Geografi Politik. Dlm. *Dasar ilmu politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). (2013). *Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya mengenai kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi negeri-negeri Tanah Melayu*. (Jilid 1-Syor). Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya.
- Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). (2007). *50 tahun demokrasi dan pilihan raya di Malaysia*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). (2016). Jumlah pemilih di negeri Perlis sehingga 15 September 2016. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Wan Ahmad, W. O. (2014). *Saya, SPR dan pilihan raya*. Shah Alam: Karangraf Sdn Bhd.